

SERDANG

Hari Orientasi U3A

Hari Orientasi University of the Third Age (U3A) Malaysia akan diadakan di Dewan Kuliah Utama Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, pada 5 April ini.

Ketua Koordinator Kursus, Prof Dr Sharifah Norazizan Syed Abdul Rashid, akan mengadakan taklimat khas mengenai U3A termasuk kursus yang ditawarkan sempena program berkenaan.

U3A diwujudkan bagi menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat di kalangan warga tua.

BERKAITAN DENGAN HARI ORIENTASI U3A

Penyelidik UPM pecah monopoli

Oleh Rosniza Mohd Taha

PENYELIDIK muda Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Zulhamri Abdullah memecah monopoli cendekiawan Asia Barat bagi penerimaan hadiah Penyelidikan Universiti Persekutuan Universiti Dunia Islam apabila dipilih memenanginya tahun lalu.

Zulhamri, 35, mendapat pengiktirafan antarabangsa itu melalui kertas penyelidikannya bertajuk *Beyond Corporate Image: Projecting International Reputation Management as a New Theoretical Approach in a Transitional Country*.

Hadiah disampaikan Pengerusi Majlis Eksekutif Persekutuan Universiti Dunia Islam (FUIW) merangkap Presiden Islamic Azad University, Dr Abdullah Jassbi pada majlis pembukaan 13th Session of the Executive Council of FUIW di Kuala Lumpur, kelmarin.

Hadir sama, Ketua Pengarah Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Islam (ISESCO), Dr Abdul Aziz Othman Altwaijri serta Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Prof Datuk Dr Syed Arabi Iddid Syed Abdullah Iddid.

Ketika ditemui, Zulhamri yang juga Timbalan Pengarah Pusat Kukurikulum dan pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM,



PENGIKTIRAFAN ANTARABANGSA: Abdullah (kanan) menyampaikan hadiah kepada Zulhamri, sambil diperhatikan Syed Arabi, di Kuala Lumpur, kelmarin.

berkata penyelidikannya memperkatakan wacana baru mengenai pencapaian organisasi termaju bersandarkan reputasi etika dan moral, bukan keuntungan tinggi seperti falsafah diguna pakai negara Barat.

“Prinsip moral, ketelusan, kepercayaan dan kredibiliti organisasi berdasarkan model nilai Islam amat penting untuk mengiktiraf persepsi pencapaian sesebuah organisasi,” katanya.

Sementara itu, Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah, menyifatkan kejayaan Zulhamri itu sebagai pengiktirafan FUIW terhadap keupayaan penyelidik universiti di Malaysia.

SABTU
UTUSAN
MALAYSIA
20/3/08.